

Pelajar perempuan lebih matang, punca ramai masuk IPT

Kuala Lumpur: Kematangan, pencapaian lebih baik dan jumlah pelajar perempuan lebih ramai di peringkat menengah tinggi menyebabkan peratusan golongan itu lebih ramai diterima masuk ke institut pengajian tinggi (IPT).

Pakar Psikologi Kaunseling, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din, berkata kematangan pelajar perempuan boleh dilihat seawal usia 15 tahun ketika di Tingkatan Tiga, manakala pelajar lelaki selepas Tingkatan Lima, iaitu 18 tahun.

Justeru, beliau berkata, pelajar perempuan mempunyai keupayaan dalam pembelajaran lebih tinggi berbanding lelaki yang berada pada tahap sederhana.

"Disebabkan itu juga mereka lebih cepat menguasai dan mampu membuat pecutan dalam proses pembelajaran. Ini fitrah yang perlu diakui semua, namun jika lelaki itu lebih matang mereka akan menghasilkan pencapaian melebihi pelajar wanita itu sendiri," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas jumlah kemasyarakatan pelajar perempuan melebihi lelaki yang melanjutkan pe-



Mohamed Fadzil Che Din

ngajian di universiti awam.

Kementerian Pengajian Tinggi menerima 58,668 permohonan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi sesi akademik 2020/2021 di 20 universiti awam. Daripada jumlah itu, seramai 40,559 perempuan (69 peratus) dan 18,109 lelaki (31 peratus) ditawarkan tempat.

Dari aspek psikologi, Mohamed Fadzil menjelaskan, pencapaian pelajar perempuan memang melebihi lelaki.

Katanya, mereka juga mempunyai kebolehan mencanai dan menggunakan otak melalui dua hala, otak kiri dan kanan yang



(Foto hiasan)

Pelajar cemerlang STPM bersama keputusan yang diperolehi.

membolehkan mereka memperoleh ses maklumat lebih banyak, selain lebih baik dalam membuat perimbangan.

"Ketika di sekolah rendah seperti Tahun Satu, jumlah pelajar lelaki dan perempuan adalah seimbang, tetapi selepas Tingkatan Tiga jumlahnya berbeza apabila ramai pelajar lelaki tidak meneruskan persekolahan dan bila-

ngan itu semakin berkurangan selepas Tingkatan Lima dan Enam," katanya.

Mohamad Fadzil berkata, faktor lain adalah kerana cara pelajar perempuan dan lelaki belajar.

"Pelajar perempuan lebih fokus kerana otak dapat menguasai berikutan ada kematangan. Pelajar perempuan mampu dan bersedia mendengar dalam waktu lebih lama

dan ini tidak berlaku kepada pelajar lelaki yang mana mereka kurang fokus dan fitrahnya suka aktiviti yang bergerak dan tidak boleh 'duduk diam'.

"Apabila tidak fokus, maka pelajar lelaki ini tidak mendapat banyak maka jawapan diberikan untuk peperiksaan tidak secemerlang pelajar perempuan," katanya.